

PM ajak rakyat sertai #QuranHour

Sinar Harian - 30/8/2021 m/s: 14

Bersiaran langsung di TV Al Hijrah jam 11 pagi hingga 1 petang ini

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengajak rakyat menjayakan program Malaysia #QuranHour sempena sambutan Hari Kebangsaan 2021.

Beliau berkata, dengan berpandukan al-Quran dan Sunnah, diharap ia menjadi

solusi daripada Ilahi untuk menenangkan dan mendamaikan jiwa rakyat di negara ini.

“Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2021, sebagai Keluarga Malaysia, sama-sama kita doakan rakyat negara ini dapat mengukuhkan diri dengan nilai-nilai mulia dalam mengharungi cabaran semasa.

“Jom sertai Malaysia #QuranHour, berinteraksi dengan surah *Al-Mulk* (kerajaan) dan tujuh surah *Musabbihat*, bertemakan Malaysia Berbudi dan Penyayang sempena Hari Kebangsaan di lokasi masing-masing pada 30 Ogos 2021 bermula jam 11 pagi hingga 1 petang Ahad.

“Ayuh kita berhenti sejenak dan sama-sama berdoa,” katanya dalam satu kenyataan.



Ismail Sabri menunjukkan logo #QuranHour di pejabatnya pada Ahad.